

# Akhbar yang menentang kerajaan tidak bererti ia bebas – Mahathir

KUALA LUMPUR 5 Okt. — (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) berkata, sesebuah akhbar yang menentang kerajaan tidak bererti ia adalah sebuah akhbar yang bebas.

Perdana Menteri berkata, DAP umpamanya cuba menonjolkan lidah rasminya *Rocket* sebagai sebuah

akhbar yang bebas, tetapi sebaliknya akhbar itu amat berat sebelah dan begitu juga dengan beberapa akhbar yang terbit dua atau tiga kali seminggu.

"Pada mereka, kebebasan akhbar bermakna hanya sekiranya semua akhbar memihak kepada pembangkang... dan bagi pembangkang pula apabila ada akhbar yang menyokong kerajaan mereka anggap akhbar berkenaan dimiliki oleh kerajaan dan tidak lagi bebas," katanya ketika berucap di majlis makan malam merai-

kan para wartawan media cetak dan elektronik di sini malam tadi.

Dalam hubungan ini beliau berkata, kerajaan tidak memiliki akhbar - akhbar dan apa yang kerajaan miliki ialah penyata rasmi kerajaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga membangkitkan soal akhbar '*Rocket*' yang sepatutnya hanya untuk ahli tetapi boleh didapati di gerai - gerai akhbar.

"Ini sudah melanggar peraturan, tetapi kita tidak

ambil tindakan dan dalam akhbar itu kandungannya dari muka satu hingga muka akhir sedikitpun tidak menyentuh kebaikan kerajaan... jika negara ini tidak demokratik apakah mereka fikir mereka boleh berbuat demikian?

"Inilah kelebihananya di Malaysia, ada orang berkata kerajaan tidak demokratik..., mereka berkata demikian dalam akhbar, majalah dan dalam ceramah - ceramah... tetapi mereka tidak sedar dengan berkata demikian mereka sebenarnya membuktikan bahawa kerajaan ini demokratik serta tidak mengawal kebebasan akhbar," jelas Perdana Menteri.

Ini kerana, katanya, jika kerajaan tidak demokratik, mereka hanya boleh berkata demikian sekali sahaja dan selepas itu akan mendapati diri mereka berada di tempat yang mereka tidak boleh berkata apa - apa lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, oleh kerana kebebasan yang diamalkan oleh kerajaanlah menyebabkan sesiapa sahaja bebas mengkritik dan mengatakan apa sahaja kepada kerajaan.

Katanya, golongan penentang kerajaan itu tidak habis - habis mengecam kerajaan melalui media mereka dan pada masa yang sama menuduh bahawa media dan akhbar yang menyokong kerajaan sebagai tidak bebas dan dikongkong oleh kerajaan.

Menurut beliau, di Britain, kebanyakan akhbar sebenarnya memilih untuk memihak.

Katanya, terdapat akhbar yang memihak kepada Parti Konservatif manakala ada pula akhbar yang memihak kepada Parti Buruh.

Tetapi, katanya, tidak ada siapapun yang mahu memberitahu bahawa akhbar - akhbar Britain telah memihak.

"Saya percaya di Malaysia kebanyakan para wartawan menulis dengan wajar dan adil kerana di Malaysia kita sangat menghargai peranan kaum wartawan.

"Kebanyakannya menghidangkan maklumat yang tepat dan ini membantu rakyat dalam membuat keputusan penting menjelang pilihanraya," tegas beliau.

Beliau secara berjenaka berkata, sebenarnya pilihanraya dilihat sebagai peristiwa media dan "saya haraya akan menjadi ketua pelakonnya," di mana rakyat akan membaca lakonan tersebut di dalam akhbar.

Tambah beliau, dalam pilihanraya macam macam boleh berlaku tetapi terserahlah kepada rakyat untuk membuat pilihan kerana negara tidak boleh memiliki dua pihak yang menang.

"Dulu saya menang pun ada pihak yang tidak boleh menerimanya tetapi kali ini saya harap boleh terimalah.

"Kelemahan saya ialah saya mungkin suka marah dan tegur orang, tetapi jika saya tidak berbuat demikian kerja tak akan berjalan dan walaupun saya suka buat ucapan yang pedih, tetapi wartawan tetap suka menjemput saya menghadiri majlis mereka." Saya cuma berharap selepas pilihanraya ini kad jemputan akan tetap sampai ke meja saya," katanya sambil tersenyum.

Dalam ucapannya itu beliau juga menegaskan bahawa pilihanraya umum yang akan diadakan tidak lama lagi membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara demokratik walaupun hakikat itu dinafi oleh setengah - setengah pihak.

Katanya, hakikat bahawa terdapatnya kemenangan di pihak pembangkang dalam pilihanraya umum sebelum ini jelas menunjukkan demokrasi masih wujud di Malaysia.

Tegas beliau, di negara - negara tertentu, pilihanraya hanya bermakna kemenangan bagi parti pemerintah sahaja.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menolak dakwaan bahawa beberapa peristiwa dan insiden yang berlaku di negara ini sejak setahun yang lalu sengaja dirancang olehnya untuk memenangi pilihanraya.

Beliau berkata, setengah - setengah orang percaya pembedahan yang dilakukan ke atasnya setahun yang lalu kerana hendak menang pilihanraya.

"Begitu juga apabila ada pemimpin parti lawan letak jawatan ia turut dikatakan sebagai *design* saya... jadi apa saja yang saya buat ada hubungkait dengan pilihanraya.

"Tetapi dengan pengumuman pembubaran Parlimen oleh Perdana Menteri petang tadi sekurang - kurangnya untuk beberapa minggu ini tidak akan ada pemberita yang tanya bila lagi tarikh pilihanraya," kata beliau secara berseloroh.